



TUAN KU MUHRIZ bersama Tuanku Aishah (tiga dari kiri) melihat buku selepas merasmikan Dewan Tuanku Canselor USIM di Nilai.

# Hasrat besar USIM

## ■ Idam Pusat Rujukan Integrasi Naqli dan Aqli serantau

Oleh Mohd Armin Jali  
armin@metro.com.my

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhasrat muncul sebagai Pusat Rujukan Integrasi Naqli dan Aqli di peringkat serantau menjelang tahun depan dan peringkat global pada tahun 2025.

Nab Canselor USIM Prof Dr Musa Ahmad berkata, hasrat itu dijangka dapat dicapai berdasarkan pethbagai kejayaan dan pengiktirafan diperolehi USIM sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuk di peringkat antarabangsa. Beliau berkata, USIM memulakan langkah itu apabila diberi status anjungan Kementerian Per-

didikan Malaysia akhir tahun lalu yang merangkumi empat komponen utama iaitu tadbir

urus, kewangan dan penjaanaan pendapatan, penguurusan sumber manusia serta penguurusan akademik dan kemasukan pelajar.

Katanya, menerusi status autonomi ini, peranan dan kuasa universiti dalam membuat keputusan menjadi lebih luas, sekaligus memberi ruang kepada USIM untuk berge-rak ke hadapan dengan le-

bih terbuka dan seterusnya memacu dalam mencapai gagasan di-tetapkan secara progresif.

"Dalam usaha melahirkan graduan USIM seimbang dan mampu bersaing di mata dunia, banyak kejayaan dicapai di peringkat antarabangsa termasuk dua graduan iaitu Anis Amirah Zakaria, 20, dan Azka Annisa Yusri Yurnalis, 20, yang dinobatkan sebagai pendebat terbaik di Pertandingan Debat Antarabangsa Universiti Arab Kali Ke-3 di Qatar, April lalu.

"Selain itu, USIM juga memenangi lima pingat

emas dan satu perak bagi enam produk dipertandingkan pada Pameran Inovasi dan Teknologi 2015 (IFEX 2015) di Pusat Dagangan Dunia Putra (KL-CC) Kuala Lumpur, Mei lalu.

"Ini menunjukkan bahawa produk inovasi dan penyelidikan dihasilkan USIM mampu meraih kejayaan dan berdiri sama hebat bersama universiti terkemuka di peringkat antarabangsa," katanya berucap pada Majlis Lawatan dan Perasmian Dewan Tuanku Canselor yang disempurnakan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, di sini semalam.

**"Berusaha melahirkan graduan USIM seimbang dan mampu bersaing di mata dunia"**  
Musa Ahmad